

Headline	Jangan gantung poster di premisTNB		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	14
ArticleSize	89 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,930		



RINGKAS

Jangan gantung poster di premis TNB

KUALA LUMPUR – Semua parti diingatkan untuk tidak memasang apa jua bentuk bahan kempen di mana-mana premis dan struktur pemasangan elektrik milik Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sepanjang tempoh berkempen bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands.

Menurut TNB dalam satu kenyataan, larangan itu termasuklah menampal atau menggantung bahan-bahan kempen seperti poster, bendera dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang elektrik konkrit dan talian atas.

Katanya, perbuatan itu amat berbahaya dan berisiko mengakibatkan renjatan elektrik dan percikan arka yang bukan sahaja boleh merosakkan harta benda bahkan mengancam nyawa.

"Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak memegang, membawa atau memasang tiang bendera di bawah mana-mana talian penghantaran elektrik kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik pada mereka yang berhampiran,"katanya di sini semalam.